



International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)

Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



**IMPLIKASI STRUKTUR KELUARGA DAN GAYA
KEIBUBAAPAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID
DI TINGKATAN PERALIHAN: KAJIAN KES DI PUCHONG**

*IMPLICATION OF FAMILY STRUCTURE DAN PARENTING STYLE TOWARDS
PUPILS ACADEMIC PERFORMANCE IN REMOVE CLASS: CASE STUDY:
PUCHONG*

Ghandi Mathi A/P S Dharmalingam¹, Prof. Madya Dr. R. Sivaperagasam P. Rajanthiran²

- ¹ Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Pusat Pengajian Undang-undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.
Email: tshantisathia@yahoo.com
- ² Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia.
Email: sivaperagasam@uum.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 23.03.2020
Revised date: 01.04.2020
Accepted date: 31.05.2020
Published date: 10.06.2020

To cite this document:

S Dharmalingam, G. M., & P. Rajanthiran, R. S. (2020). Implikasi Struktur Keluarga dan Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Murid di Tingkatan Peralihan: Kajian Kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 167-177.

DOI: 10.35631/IJEPC.5350015.

Abstrak:

Faktor utama yang memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar adalah keluarga. Struktur dan gaya keibubapaan yang diamalkan dalam keluarga menentukan pencapaian akademik pelajar tingkatan peralihan pada masa akan datang. Penyelidikan ini dilakukan untuk mengkaji pengaruh struktur keluarga dan gaya keibubapaan terhadap pencapaian akademik pelajar. Pemerhatian dan temu ramah dilakukan dengan teliti terhadap seramai sepuluh orang murid tingkatan peralihan. Guru mereka ditemu ramah dan dokumen sekolah juga dianalisis untuk mendapatkan hasil yang lebih baik dan tepat. Pergerakan dan lokasi murid yang pergi ke sekolah perlu dipantau dan dipupuk. Anggota keluarga dari struktur yang luas dapat menyelesaikan semua tanggungjawab berbanding dengan keluarga nuklear. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan yang sesuai untuk anak-anak mereka. Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan yang berwibawa, secara langsung atau tidak langsung mempunyai pengaruh terhadap pencapaian akademik para pelajar.

Kata Kunci:

Struktur Keluarga, Gaya Keibubapaan, Prestasi Akademik dan Peralihan

Abstract:

Among the many factors that play an important role in a student's life is family. The structure and parenting style which is being practiced in a family decides the student's future academic achievement. This research is done in order to examine the influence of family structure and parenting style towards the academic achievement of remove class students in government schools. Observation and interviews were closely conducted on a total of ten students. Their teachers were interviewed and school documents were also analysed in to get more excellent and accurate results. School going pupil's movements and whereabouts need to be monitored and nurtured. Family members from an extended structure are able to complete all the responsibilities compared to a nuclear family. Parents play an important role in providing suitable support for their children. Parents who practice an authoritative parenting style, directly or indirectly have an influence on the academic achievement of the students.

Keywords:

Family Structure, Parenting Style, Academic Achievement, Remove Class, Pupils

Pengenalan

Peredaran zaman dan pelbagai isu perubahan dan globalisasi serta penempatan penduduk akibat pekerjaan dan pendidikan telah membawa kepada pelbagai perubahan dalam struktur keluarga.

Perubahan bentuk dan cara hidup manusia di mana kawasan pendalaman pun kini sudah membangun dan dinaiktarafkan kepada bandar. Arus perkembangan yang drastik ini berada diluar kawalan dan telah mengundang perubahan struktur sosial kekeluargaan dan tugas ibu bapa didalam sesebuah keluarga. Golongan muda berpindah ke kota dan bandar golongan tua enggan meninggalkan desa maka perubahan dalam bentuk keluarga mula berlaku tradisi keluarga luas (*extended*) secara turun temurun kini menjadi keluarga asas (*nuclear*).

Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz (2002), struktur keluarga terbahagi kepada dua iaitu keluarga luas (*extended*) dan keluarga asas (*nuclear*). Keluarga luas terdiri daripada ibu bapa, anak-anak dan sanak-saudara yang tinggal serumah manakala keluarga asas pula terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak sahaja. Keasan yang kritikal dapat dikesan dalam pergerakan dan proses sosialasi anak-anak daripada keluarga asas berbandingkan dengan mereka yang berasal daripada keluarga luas yang sentiasa berada di dalam pantauan ahli keluarga yang terdekat semasa ketiadaan ibu bapa.

Walaupun Marina Mohd Yussof (2004) berpendapat bahawa penglibatan ibu bapa memberikan kesan yang minimum dalam pencapaian murid. Wan Mardiyah Wan Hasbullah (2005) sebaliknya berpendapat hubungan dan jalinan perhubungan yang bersifat positif antara ibu bapa dan anak-anak akan memberikan impak terhadap perkembangan prestasi akademik murid. Manakala Ruzina Jusoh (2005) dalam kajiannya mendapati ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif dapat membantu anak-anak mereka sehingga berjaya meningkatkan prestasi akademik berbandingkan dengan gaya yang lain.



Rajah 1: Model Kerangka Konseptual Yang Melibatkan Perhubungan Antara Struktur Keluarga Dengan Stail Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Murid-Murid Di Tingkatan Peralihan

Rajah ini mengutarakan kerangka yang mengandungi dua domain utama yang menyumbang dalam cabang kekeluargaan terhadap pencapaian akademik murid-murid. Domain itu ialah domain stuktur keluarga yang terbahagi kepada keluarga nuklear dan keluarga luas. Domain kedua iaitu stail atau gaya keibubapaan yang dibahagikan kepada dua jenis gaya keibubapaan iaitu autoritatif dan permisif. Kerangka konseptual yang telah dibina (Rajah 1) membantu dalam pembentukan reka bentuk kajian, strategi pengumpulan data dan analisis kajian.

Metodologi

Kajian ini dilaksanakan dengan method kualitatif yang mempraktikkan sampel bertujuan (*purposive sampling*) untuk pegumpulan data. Menurut Bogdan & Biklen, (2007) pendekatan kualitatif boleh dilaksanakan dengan menggunakan kaedah deskriptif dan pengumpulan data adalah berdasarkan dialogue dan gambar bukannya menggunakan angka. Menurut Merriam (1988) dan Creswell (2005) serta Bogdan dan Biklen (2007) membahagikan kajian kualitatif kepada penggunaan tiga teknik utama iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumentasi.

Maklumat relevan dikumpu dengan menggunakan kaedah triangulasi membabitkan ketiga-tiga teknik tersebut. Data sekunder pula dikumpul dengan penggunaan sumber-sumber dokumentasi. Penganalisan dokumen-dokumen berkaitan dengan 10 orang murid yang terpilih sebagai sampel responden berdasarkan penapisan tahap pertama yang bersesuaian dengan intipati masalah atau faktor yang dikaji dengan jawapan murid yang ringkas iaitu “ya” dan “tidak”. Respondan terdiri murid-murid ibu bapa dan guru-guru. Temubual dilaksanakan untuk mengumpul data daripada ibu bapa dan murid.

Kaedah Menganalisis Data

Cara manual digunakan untuk menganalisa data yang dikumpul hasil kerja lapangan. Semua data yang dikumpul hasil temubual dengan responden iaitu murid, ibu bapa, guru-guru dan guru disiplin dikaji dengan terperinci. Sejurus selepas temu bual, pemerhatian dan rakaman audio yang pertama proses koding dimulakan kerana semua fakta yang dikumpul menjadi penyumbang asas data seterusnya. Penyusunan semula bahan kajian dilakukan dengan lebih sistematik dengan memindahkan data bentuk transkrip dan nota lapangan kepada bentuk koding (*coding*) seperti pendapat Creswell (2005), bahawa '*developing a matrix or table of sources that can be used to help organize the material*' melangkah ke tahap seterusnya dalam penganalisaan data dan pengumpulan data seterusnya. Menurut Corbin (2005) dan Strauss (2008) dan Boeije (2010), koding (*open coding, axial coding dan selective coding*) menjadi alat untuk menyusun semula data-data mengikut kronologi berdasarkan pecahan data kepada kategori yang lebih mudah. Koding dalam kajian kualitatif ialah satu kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti perhubungan antara satu perkara dengan perkara lain yang turut menyumbangkan data, tema atau idea untuk kajian (Boeije, 2010). Pengkaji menyusun balik data yang dikumpul untuk mencari jawapan bagi kesemua soalan kajian.

Dapatan Kajian

Struktur Keluarga

Respondan kajian ini terdiri daripada dua jenis keluarga asas (*nuclear family*) dan keluarga luas (*extended family*). Kajian merangkumi tujuh buah keluarga nuklear dan tiga buah keluarga luas. Berikut dibincangkan persoalan tentang apakah pengaruh struktur keluarga nuklear terhadap pencapaian anak-anak. Keluarga nuklear dalam kajian ini terdiri daripada kedua-dua ibu bapa bekerja atau seorang sahaja bekerja untuk menyara kehidupan. Data kajian menunjukkan dengan jelas latar belakang jenis keluarga nuklear menaruh kepercayaan yang keterlaluan terhadap anak-anak. Pemantauan yang dilaksanakan adalah sangat minimum. Manakala keluarga luas pula sentiasa dipantau oleh sanak-saudara kerana rumah dipenuhi dengan penghuni. Namun begitu kajian ini mendapati murid-murid yang berasal daripada keluarga nuklear lebih berjaya akibat daripada pemantauan padu yang diberikan oleh ibu bapa walaupun tidak dapat berada dengan anak-anak sepanjang masa kerana sibuk bekerja namun memastikan anak-anak dipantau oleh nenek yang tinggal ditaman perumahan berdekatan atau jiran. Keadaan yang sama berlaku kepada murid M7 dalam kajian ini kedua-dua ibu bapa bekerja dan mendapat bantuan nenek untuk menjaga anak-anak:

P: Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IBM7: Saya dengan isteri terlampau sibuk memang balik lewat setiap hari. Saya bernasib baik kerana ibu mertua saya tinggal di taman perumahan berhampiran dengan sekolah anak-anak saya iaitu Taman Wawasan. Anak-anak saya akan dihantar ke rumah nenek mereka selepas sekolah setiap hari. Makan dan minum serta memantau tugas sekolah juga dipantau oleh ibu mertua.

P: Adakah sumbangan nenek kepada pembentukan sahsiah anak-anak? Banyak sebenarnya, anak-anak sentiasa berkongsi sebarang masalah, kejadian di sekolah yang dialami dengan nenek dan nenek juga terlalu prihatin terhadap gerak-geri anak-anak. Nenek turut memberikan pandangan dan sentiasa menasihati isteri saya dan saya dengan cara-cara membantu anak-anak menangani masalah yang dialami oleh mereka. Nenek juga mengajar anak-anak cara-cara sembahyang dan kadang-kadang membawa mereka ke tokong untuk sembahyang.

(IBM7: Oktober, 2019)

Jelas segala pergerakan dan tingkah laku anak-anak dalam keluarga ini diawasi oleh datuk dan nenek yang tinggal ditaman yang berhampiran. Oleh itu, peranan yang dimainkan nenek secara tidak langsung bukan sahaja memantau pergerakan cucu-cucu ketika ibu bapa mereka tidak ada di rumah iaitu dengan memastikan mereka “tidak keluar secara bersendirian” tetapi turut memberi nasihat, mengurus keperluan asas seperti makan dan minum selain secara langsung memantau kerja sekolah anak-anak diselesaikan seharian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keluarga nuklear yang dikunjungi oleh ahli keluarga seperti emak dan ayah kepada ibu bapa (datuk atau nenek) seperti peserta kajian IBM8 yang mengaku ibu dan bapa datang dan tinggal bersama hujung minggu sahaja. Apabila ditanya, “apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?” Ibu bapa M8 menjawab “mereka hanya memberi nasihat dan menjaga cucu-cucu satu dua hari sahaja”. Terdapat keluarga nuklear yang terdiri daripada bapa sahaja yang bekerja menyebabkan isteri tinggal di rumah sebagai suri rumah sepenuh masa. Ibu bertugas untuk menguruskan rumah tangga dan semua perkara berkaitan dengan persekolahan anak-anak. Bapa balik dua hari sekali atau hujung minggu sahaja. Enam daripada sepuluh orang bapa dalam kajian ini keluar rumah awal pagi dan hanya balik lewat petang atau malam. Justeru itu, tugas dan tanggungjawab isteri dalam menguruskan rumah tangga bertambah berat ketika ketiadaan suami di rumah seperti mana rintihan oleh seorang suri rumah:

P: Apakah masalah yang dihadapi oleh puan berhubung dengan pelajaran anak puan?

IBM10: Suami saya merupakan seorang pemandu bas pelancongan dan kadang-kadang balik rumah hujung minggu sahaja

(IBM10: Oktober 25, 2019)

Golongan bapa pula memberikan penjelasan yang mereka sering tidak berada di rumah kerana urusan kerja dan mengharapkan kebanyakan urusan rumah dan anak diberaskan oleh isteri:

P: Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak dalam dan di luar rumah?

IBM10: Isteri saya sentiasa menjaga segala urusan pelajaran, buku-buku dan memantau keseluruhan hal berkaitan dengan pelajaran anak-anak. Kalau ada masalah baru dia beritahu saya.

(IBM10: Oktober 25, 2019)

Penjelasan diatas dengan jelas menggambarkan peranan yang dimainkan oleh ibu yang menjadi suri rumahtangga sepenuh masa yang amat berat dalam keluarga nuklear di mana segala pemantauan yang dilaksanakan oleh seorang sahaja. Tugas mendidik anak-anak diserahkan secara sepenuhnya kepada isteri. Dapatan kajian menunjukkan kesemua murid berprestasi rendah dan sederhana datang dari keluarga nuklear. Keadaan ini timbul kerana bapa tidak memainkan peranan langsung dalam mendidik anak-anak malah sibuk mencari nafkah dan ibu terpaksa menanggung beban keseluruhan.

Ini berbeza dengan keluarga nuklear yang ibu bapa bekerja tetapi anak-anak dipantau oleh ahli keluarga dewasa (datuk dan nenek) di luar rumahtangga atau dengan adanya lawatan sementara dari ahli keluarga untuk membantu memantau anak-anak. Seterusnya kebanyakan murid yang berprestasi sederhana dan rendah berasal dari keluarga nuklear iaitu M1, M4 dan M12 di mana kedua-dua ibu bapa bekerja dan terpaksa tinggalkan anak di rumah. Anak-anak ini kadang-kadang mengambil kesempatan dengan melakukan perkara yang mereka suka seperti bermain game, keluar ikut kawan naik motor dan pergi bermain bola keranjang dan balik lewat.

Murid-murid ini terlalu banyak menghabiskan masa diluar bersama rakan sebaya maka terdedah kepada kemungkinan terjebak dalam gejala sosial. Ibu bapa dalam kumpulan ini pula kadang terlalu leka atau menaruh kepercayaan terhadap anak-anak mereka. Dalam pada itu, murid yang berprestasi rendah yang datang dari keluarga nuklear didapati terlalu bebas bergerak tanpa pantauan mana-mana ahli keluarga di dalam rumah. Menurut seorang ibu, selepas balik daripada sekolah akan makan dan keluar berjumpa kawan-kawan atau bermain bola keranjang sehingga lewat petang. Seterusnya dia keluar dari rumah untuk berjumpa kawan-kawan di luar. Hasil pemerhatian membuktikan murid M8 memang tidak ada di rumah ketika pengkaji pergi dua kali ke rumahnya. Bapa murid berkenaan menyatakan anaknya sentiasa keluar selepas balik dari sekolah. Guru murid M12 juga turut memberikan refleksi yang kurang memuaskan tentangnya seperti tidak membawa buku kesekolah, tidur didalam kelas dan masuk kelas lambat dan sebagainya.

P: Apakah aktiviti anak encik di rumah setelah balik dari sekolah?

IBM12: Dia akan makan selepas itu keluar berjumpa dengan kawan-kawan, kadang-kadang bermain bola keranjang hingga lewat petang.

(IBM12: Oktober2, 2019)

P: Bagaimanakah kelakuan murid ini semasa waktu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah?

GT: Murid ini di kategorikan dalam kalangan murid yang bermasalah kerana sering datang lewat ke sekolah, tidak membawa buku teks dan buku latihan, tidur dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Murid ini pernah di tahan membawa dan menggunakan vape dalam halaman sekolah. Selain daripada ini kes ponteng kelas dan membawa telephone bimbit ke sekolah.

(GTM12: November 14, 2019)

Keluarga Luas (Extended Family)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa ahli dalam keluarga responden terdiri daripada pak cik, mak cik, datuk, nenek dan sebagainya. Terdapat keluarga yang terdiri daripada gabungan beberapa buah keluarga. Gabungan dua atau lebih keluarga nuklear dikenali sebagai keluarga luas (extended family). Datuk atau nenek berperanan bukan sahaja untuk menjaga cucu-cucu tetapi secara tidak langsung membantu pendidikan cucu-cucu dalam keluarga dengan cara memberi sokongan.

P: Bagaimana encik memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak di dalam dan di luar rumah?

IBM9: Memerhati. Anak-anak tidak boleh keluar tanpa izin mak mertua dan ayah. Sebelum pergi luar mereka akan tanya datuk, nenek atau emak saudara. Ayah akan menelefon say atau isteri selepas mendapat kebenaran baru mereka boleh keluar. Saya tidak membenarkan mereka keluar menaiki grab seorang mesti dengan adik beradik atau adik lelaki saya yang tolong hantarkan.

P: Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IBM9: Mak mertua, ayah dan ibu saya serta adik lelaki saya bersama isteri dan anak-anak mereka.

P: Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?

IBM9: Saya amat bersyukur kerana semua ahli keluarga saling membantu satu sama lain untuk memudahkan kerja. Pemantauan ahli keluarga yang lain sentiasa ada dan keselamatan anak-anak terjamin

(IBM9: Oktober 25, 2019)

Selain itu, murid yang berasal daripada keluarga luas (*extended*) menunjukkan pencapaian akademik yang baik. Hasil kajian menunjukkan bahawa dua orang murid datang dari keluarga luas. Keluarga luas yang pertama terdiri daripada beberapa buah keluarga nuklear dan hidup dalam satu rumah. Ahli keluarganya ramai dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dalam segala aktiviti atau majlis yang dijalankan. Mereka juga tidak ketinggalan dalam memberi tunjuk ajar dan bantu-membantu dalam aspek pendidikan sesama sendiri. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh dua buah keluarga tentang kehidupan dalam keluarga luas.

P: Berapakah bilangan anak atau ahli keluarga dalam keluarga ini?

IBM11: Bilangan ahli keluarga dalam rumah ini ialah 15 orang daripada 3 buah keluarga.

IB: Saya seorang yang bekerja manakala ketiga-tiga anak saya bersekolah.

P: Adakah mana-mana orang tua (datuk atau nenek) tinggal bersama?

IBM11: Ayah, ibu, emak mertua, bapa mertua, adik isteri dan adik saya serta isteri dan anak-anak kami.

P: Apakah sumbangan mereka terhadap keluarga ini?

IBM11: Saya amat bersyukur kerana sentiasa ada mata yang mmemerhati gerak-geri anak-anak dan memantau serta sentiasa memberikan nasihat dan teguran yang munasabah.

(IBM11: Oktober 26, 2019)

Menurut ibu peserta kajian IBM11, pergerakan anak-anak sentiasa dalam kawalan. Ahli keluarga yang lain dalam keluarga ini sentiasa memberi galakan dan nasihat, memberi bantuan kewangan, mengawasi tingkah laku dan pertuturan anak-anaknya. Anak-anak juga mendengar nasihat dan tidak membantah dengan memperlihatkan nilai moral yang baik. Apabila beberapa keluarga hidup dalam satu keluarga yang besar maka ini menguatkan ikatan kekeluargaan. Ibu bapa tidak menghadapi apa-apa masalah besar dalam menjaga anak-anak ketika mereka berada di luar atau pergi bekerja. Ini kerana rumah mereka sentiasa dipenuhi oleh ahli keluarga yang lain yang sentiasa mengawasi pergerakan anak-anaknya.

Anak-anak yang terdapat dalam keluarga luas ini menunjukkan prestasi pencapaian yang lebih baik jika dibandingkan dengan murid-murid daripada keluarga nuklear. Bilangan anak dan aspek agama, walaupun tidak menjadi fokus artikel ini tetapi menunjukkan kesan kepada pencapaian akademik murid. Anak-anak yang berprestasi sederhana dan tinggi dari keluarga nuklear adalah terlalu sedikit bilangannya. Sementara itu, murid berprestasi tinggi juga mempunyai kesedaran agama yang terbaik dalam rutin harian mereka.

Stail Keibubapaan

Kajian ini menitik beratkan konsep keibubapaan sebagai tingkah laku dalam menunjukkan kepelbagaian gaya keibubapaan dalam keluarga. Dua pola gaya keibubapaan yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah '*autoritatif*' atau demokratik dan '*laissez faire*' atau permisif. Dapatan kajian menggambarkan gaya atau stail keibubapaan autoritatif atau demokratik apabila kedua-dua ibu bapa menunjukkan ketegasan dan keiklasan dalam usaha memastikan anak membesar menjadi insan yang holistik serta bertanggungjawab hampir semua ibu bapa murid-murid yang cemerlang iaitu M2, M3, M6, M7, M8 dan M9. Akhir kajian didapati enam daripada sepuluh

keluarga mempamerkan gaya keibubapaan autoritatif. Kajian ini juga membuktikan bahawa murid-murid yang lemah dibesarkan dengan gaya keibubapaan '*laissez faire*' atau permisif.

Bilangan aktiviti-aktiviti anak-anak yang melibatkan penglibatan ibu bapa menunjukkan ketegasan dan keprihatinan ibu bapa dalam membentuk kehidupan anak-anak mereka.

P: Adakah encik membenarkan anak-anak buat apa yang mereka suka?

IBM6: Saya dan isteri mengawal setiap pergerakan anak-anak. Saya mendaftar maklumat HMS sekolah melalui cara ini saya dan isteri dapat mengetahui setiap program dan aktiviti yang dijalankan disekolah. Selain daripada perkhidmatan HMS saya juga berhubung dengan guru tingkatan anak saya supaya dapat memantau pencapaian pendidikan anak saya.

P: Namakan bimbingan akademik yang encik berikan kepada anak-anak?

IBM6: Isteri saya memastikan mereka menghadiri kelas tambahan untuk semua mata pelajaran yang lemah dan duduk bersama-sama dengan anak semasa mereka belajar terutamanya matematik saya mengajar mereka. Apabila saya bangun pagi awal 4.00 am saya akan membangunkan anak saya untuk belajar awal pagi kerana minda masih segar. Anak saya juga menghadiri kelas muzik tambahan iaitu kelas guitar.

(IBM 6: November 14, 2019)

P: Adakah encik membenarkan anak-anak buat apa yang mereka suka?

IBM9: Kami memantau pergerakan dia, dia menaiki transport ke sekolah maka Uncle itu akan menghubungi saya jika anak saya lambat atau tidak pulang ke rumah. Datuk dan nenek sambung memantau di rumah pula, apa sahaja masalah saya akan dapat tahu. Mereka dijaga dengan rapi sebarang kesulitan yang dialami akan diceritakan kepada atuk dan nenek, ini memudahkan kami membantunya.

P: Namakan bimbingan akademik yang encik berikan kepada anak-anak?

IBM9: Isteri saya menghantar anak saya ke Pusat Tusyen Era untuk mendapatkan kelas tambahan, anak saya juga menghadiri kelas tambahan di Kuil pada hari Ahad. Kami sekeluarga juga menghadiri kelas yoga di Pusat Yoga Puchong Perdana.

(IBM9: November 14, 2019)

Enam daripada sepuluh ibu bapa mengamalkan gaya kepimpinan autoritatif. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa ibu bapa yang mempunyai gaya kepimpinan autoritatif lebih bersikap mengambil tahun, tegas dan adil serta sentiasa mengawal pergerakan dan aktiviti anak, menyediakan jadual waktu, memberi nasihat dan kalau perlu akan menggunakan rotan. Kesemua tindakan ini akan mendisiplinkan anak-anak dan membentuk modal insan yang boleh mengatur aktiviti harian dengan sendiri. Keadaan ini mempengaruhi pembelajaran murid di rumah mahu pun di sekolah dan secara tidak langsung mempengaruhi keputusan akademik yang lebih cemerlang dalam kalangan murid-murid.

Gaya kepimpinan '*laissez faire*' atau permisif memperlihatkan ibu bapa yang memberi perhatian yang minimum, kawalan dan peraturan yang tidak ketat serta kurang prihatin terhadap anak-anak. Kumpulan ibu bapa ini kurang memberi perhatian terhadap segala tingkah laku anak-anak. Bagi kes-kes ibubapa yang mengamalkan kepimpinan '*laissez faire*' atau permisif dalam kajian ini, mereka masih meletakkan garis panduan dan aturan untuk anak-anak.

P: Adakah encik membenarkan anak-anak buat apa yang mereka suka?

IBM12: Saya sentiasa memberikan ruang kepada anak-anak untuk bertindak tetapi jika mereka melakukan sesuatu yang melampaui batas saya akan tegur.

P: Adakah encik memberikan kebebasan menonton wayang kepada anak-anak?

IBM12: Saya jarang berada di rumah pada waktu pagi dan tengah hari saya balik kerja pukul 7.00 pm sahaja susah untuk saya memantau Tetapi saya tetapkan masa menonton televisyen tetapi memang mereka tidak mematuhi.

(IBM12: November 14, 2019)

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa ibu bapa yang tidak bertanggungjawab dan kurang memberi perhatian terhadap tingkah laku anak-anak gagal melahirkan anak yang cemerlang dalam pendidikan. Akibatnya, anak mempergunakan kelemahan ibu bapa dan bertindak sesuka hati serta tidak menunjukkan minat terhadap pelajaran. Ini akan menjejaskan pencapaian akademiknya. Berikut adalah kenyataan seorang bapa terhadap anaknya (IBM12).

P: Adakah encik membenarkan anak-anak buat apa yang mereka suka?

IBM10: Suami saya sangat sibuk kadang-kadang berbulan tidak jumpa dengan anak-anak, isteri saya memantau semua kebajikan anak-anak. Saya tidak dapat kawal anak-anak mereka lebih takut dengan bapa. Kadang-kadang melakukan tipu muslihat dengan handal dan saya selalu tertipu.

P: Namakan bimbingan akademik yang encik berikan kepada anak-anak?

IBM10: Saya menghantar anak saya untuk mendapatkan kelas tambahan ke Pusat Tuisyen Berlian. Anak saya kurang minat belajar tetapi saya masih mencuba untuk memujuk dia belajar dengan rajin sehingga dapat menghabiskan tingkatan 5.

(IBM10: November 14, 2019)

Kenyataan di atas disokong lagi oleh seorang guru tingkatan terhadap murid M10. Guru berkenaan juga menyifatkan murid tersebut tidak diberi perhatian oleh ibu bapa. Beliau memberi kenyataan berikut:

P: Adakah murid membawa buku teks, buku nota dan buku latihan?

GTM10: Murid ini selalu tidak menyiapkan kerja sekolah, jarang membawa buku teks dan selalu tidur dalam bilik darjah.

(GTM10: Julai 22, 2010)

Sikap ibu bapa yang cuai dan kurang mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak telah menyebabkan anak ketinggalan dalam pelajaran dan tidak dapat menguasai kemahiran asas yang sepatutnya diterima di tadika mahu pun pada tahap satu di sekolah rendah. Kegagalan ibu bapa telah menyebabkan murid berkenaan meneruskan pelajaran ke peringkat yang tinggi tanpa menguasai kemahiran asas 3M. Ini menyebabkan murid berkenaan tidak dapat memperoleh pencapaian yang baik di sekolah rendah mahu pun di sekolah menengah. Pada masa yang sama, isu kepimpinan atau stail keibubapaan boleh dikaitkan dengan masalah kesempitan hidup di mana murid bangun pagi tetapi bukan untuk mengulang kaji pelajaran tetapi melakukan kerja-kerja rumah seperti mana dalam petikan berikut:

P: Kenapa bangun terlalu awal?

M5: Saya bangun pagi dan membantu ibu menyediakan ramuan untuk masak kuih, bantu ibu masak kuih, bantu bungkus kuih tersebut dan hantar ke 5 buah kedai makanan di

keliling rumah. Tiada siapa yang membantu ibu saya. Saya terpaksa membantu ibu untuk berniaga sebab itulah sahaja rezeki kami sekeluarga.

(M5: September 15, 2019)

Ibu bapa yang prihatin terhadap pelajaran anak-anak sentiasa berbincang mengenai segala masalah yang dihadapi oleh anak. Ini memudahkan anak-anak menyatakan masalah yang dihadapi kepada ibu bapa supaya dapat mencari jalan penyelesaian. Ini secara tidak langsung meringankan lagi beban murid di sekolah dan memberi keselesaan untuk menumpukan perhatian terhadap pelajaran di bilik darjah. Justeru, pencapaian akademik murid tersebut turut meningkat. Murid M5 ini merupakan satu kes di mana beban keluarga ditanggung oleh anak yang masih muda. Beban ini sehingga menjejaskan pencapaian akademiknya.

Perbincangan

Peranan yang dimainkan oleh setiap ahli keluarga adalah penting dalam konteks kejayaan akademik seseorang murid. Situasi keluarga yang baik dan positif memainkan peranan penting atau dominan dalam proses kecemerlangan murid (Abdul Razak, 2011). Hubungan kekeluargaan yang baik dan intim dapat melahirkan anak yang berperwatakan yang baik dan mulia. Kenyataan ini dibuktikan kesahihannya oleh Za'ba (1992) anak-anak yang menjadi seseorang yang berhemah tinggi, mulia tingkah laku, halus budi pekerti dan elok adab perangai dan kesopanan jika cukup asuhan dan didikan daripada ibu bapa serta ahli keluarga yang lain. Struktur keluarga yang dapat mengwujudkan keadaan yang kondusif serta ruangan positif sosio-budaya yang membawa kepada kejayaan. Menurut Berns (2007), *'the family functions as a system of interaction and the way it conducts personal relationship has a very powerful effect on the psychosocial development of children.'* (hlm. 53). Menurut Jal Zabdi (2010) pula mengatakan bahawa pengabaian kanak-kanak merupakan titik permulaan perlakuan jenayah juvana. Murid-murid yang dibesarkan dengan pengamalan stail keibubapaan yang berbeza mempunyai kelainan nilai dan norma. Anak-anak yang diperbesarkan mengikut stail kepimpinan autoritatif lebih berdisiplin dan mengamalkan kebudayaan yang lebih bersopan. Rumah merupakan tempat permulaan pendidikan awal untuk semua kanak-kanak. Menurut Za'ba (1992), Mahzan Arshad (2007) dan Abdul Razak (2011) anak-anak belajar meniru daripada orang tua yang rapat dengan mereka dan menjadikan ibu bapa sebagai *'role model'* yang pertama dalam kehidupan.

Justeru itu, ibu bapa haruslah menjadi contoh terbaik dalam usaha mendidik serta melahirkan dan membentuk peribadi yang baik dalam kalangan anak-anak.

Kesimpulan

Ibu bapa merupakan insan pertama yang berada dalam kehidupan anak-anak sejak, bayi hinggalah remaja dan dewasa. Tanggungjawab ibu bapa apat disempurnakan dengan gaya pengasuhan yang terbaik supaya anak-anak dapat mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kehidupan. Keberadaan ibu bapa didalam keluarga nuklear dan keluarga luas adalah sama sahaja dengan memainkan peranan dengan lebih tegas dan berdisiplin maka dapat melahirkan sebuah keluarga yang bernorma dan berhemah tinggi. Setiap ibu bapa wajib melalui kursus keibubapaan dan belajar cara yang terbaik untuk mendidik anak-anak menjadi seorang murid yang cemerlang dan remaja yang berjaya. Tradisi kekeluargaan harus dilanjutkan dengan pengubahsuaian yang bijak bagi memastikan pemodenan dan kesibukan mengejar material tidak mengabaikan teras kehidupan iaitu keluarga. Ibu bapa harus menjadi contoh yang terbaik yang terulung kepada setiap orang anak supaya keperibadian yang mulia dan berhemah dapat dibentuk.

Rujukan

- A. Hassan Mohamed. (2008). *Kejayaan di tangan anda*. Selangor: Thinker's Library.
- Abd Ghafar Mahmud. (2011). *Haluan kerja pendidikan: Merealisasikan agenda transformasi negara*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Sosiologi untuk kerja sosial*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2006). *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdul Razak Zakaria. (2011). *Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Berns, Roberta M. (2007). *Child, family, school, community: Socialization and support*. Belmont, CA: Wadsworth.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. New York, NY: Pearson.
- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Bakker, J., Denessen, E., & Bruns-Laeven, M. (2007). Socio-economic background, parental involvement and teacher perceptions of these in relation to pupil achievement. *Educational Studies*, 133, pp. 177-192.
- Ballantine, J., & Spade, J. (2001). *School and society: A sociological approach to education*. Australia: Wadsworth Thomson Learning.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Banks, O. (1976). *Understanding human behavior*. Dlm. Atan Long (1988), *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennett, J., & Arnold, D. (2008). Should we pay students for good test scores? *The Education Digest*, 74, pp. 40-41.
- Berg, B. L. (1989). *Qualitative research methods for the social sciences*. Boston: Allyn and Bacon.
- Berita Harian. (2002, Julai 27). Pemakanan dan pendidikan murid Melayu. hlm 13.
- Corbin, J., & Strauss, A. (2008). *Basics of qualitative research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.